



■ Selepas bekas Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin disiasat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berhubung dakwaan rasuah dan pengubahan wang haram, timbul desakan supaya tindakan sama diambil terhadap Tun Dr Mahathir Mohamad.

■ Setiausaha Politik Kanan Perdana Menteri, Datuk Seri Shamsul Iskandar Mohd Akin berkata, sewajarnya SPRM memulakan siasatan dari mana datang kekayaan Dr Mahathir jika benar bekas Perdana Menteri itu mahu siasatan dimulakan ke atas golongan yang memiliki gelaran Tun.

■ Sementara itu, peguam Mohamed Haniff Khatri Abdulla berkata, pihak berkuasa perlu amalkan asas kedaulatan undang-undang iaitu menyasat sesuatu kes apabila terdapat aduan dibuat mengikut Kanun Tatacara Jenayah dan bukannya hanya berdasarkan kenyataan seseorang.



**"Kerana menghormati proses siasatan, saya berdiam diri sehingga kini. Bagaimanapun, PM dan SPRM tidak menunjukkan rasa hormat yang sama,"
- Tun Daim bersuara selepas lebih 10 hari Menara Ilham disita**

Giliran Tun M selepas Tun Daim?

Setiasaha Politik Kanan PM gesa SPRM siasat kekayaan Dr Mahathir pula

Oleh NOR SYAMIRA LIANA NOR ASHAHA dan FARHANA ABD KADIR SHAH ALAM

Setiasaha Politik Kanan Perdana Menteri, Datuk Seri Shamsul Iskandar Mohd Akin menggesa pihak berkuasa melakukan siasatan terhadap bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad berhubung harta yang dimiliki dan bagaimana aset tersebut diperoleh.

Menurutnya, individu berpengaruh bergelar 'Tun' tidak sepatutnya terlepas daripada disiasat oleh pihak berkuasa.

"Sekiranya beliau mahu semua Tun disiasat, kita boleh mulakan siasatan ke atas beliau dan anak-anaknya dahulu.

"Kita perlu menyasat semula kes-kes penyelewengan dana dan kerugian Perwaja Steel, Projek Hidroelektrik Bakun, MISC Berhad, PKFZ (skandal Zon Perdagangan Bebas Pelabuhan Klang), Maminco serta kes melibatkan anak-anaknya.

"Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) perlu memulakan siasatan ke atas golongan yang memiliki gelaran Tun ini," katanya dalam satu hantaran di aplikasi X pada Rabu.

Shamsul Iskandar berkata, setiap individu yang mempunyai gelaran kebesaran tidak berada di atas undang-undang.

"Tiada siapa yang boleh mengatasi undang-undang. Tun, cakap siang pandang-pandang. Cakap malam, dengar-dengar. Saya yakin Tun berani disiasat," ujarnya.

Sinar Harian sebelum ini melaporkan Dr Mahathir yang terkenal dengan kenyataan-kenyataan sinis telah menyindir pihak berkuasa, sambil menggesa kerajaan menahan reman semua mereka yang memegang gelaran Tun, termasuk dirinya jika tidak mendedahkan sumber kekayaan mereka.

Kenyataannya itu selepas SPRM melancarkan siasatan terhadap bekas Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin yang merupakan sekutu rapat Dr



SHAMSUL ISKANDAR



DR MAHATHIR



MOHAMED HANIFF

Mahathir berhubung dakwaan pengubahan wang haram dan rasuah.

"Saya bersetuju sepenuhnya bahawa Tun perlu disiasat. Jika mereka tidak dapat menjelaskan di mana atau bagaimana mereka mendapat wang itu, harta mereka harus disita.

"Tidak perlu mendapatkan bukti dokumentari tentang salah laku mereka. Syak wasangka sahaja sudah memadai.

"Tun bukan sahaja perlu disiasat. Mereka juga perlu direman sehingga mereka mendedahkan sumber wang mereka.

"Jika mereka tidak berbuat demikian, ia pasti kerana mereka mahu menyembunyikannya," kata Dr Mahathir yang menyindir kerajaan dalam hantaran di media sosialnya.

Minggu lalu, SPRM menyita Menara Ilham, sebuah bangunan bernilai komersial tinggi milik Daim dan keluarganya di Kuala Lumpur.

Susulan itu, Ahli Majlis Kerja Tertinggi (MKT) UMNO, Datuk Dr Mohd Puad Zarkashi turut menggesa SPRM menyasat Dr Mahathir berhubung isu rasuah dan pengubahan wang haram.

Tun ialah gelaran tertinggi di Malaysia yang hanya boleh dikurniakan oleh Yang di-Pertuan Agong dan setaraf dengan gelaran 'Lord' di United Kingdom.

Kebanyakan penerima anugerah ini adalah pemimpin-pemimpin ulung yang telah banyak menaburkan jasa kepada negara seperti Perdana Menteri.

Siasatan berasaskan aduan

Sementara itu, peguam Mohamed Haniff Khatri Abdulla menggesa pihak berkuasa mengamalkan asas kedaulatan undang-undang iaitu menyasat sesuatu

kes apabila terdapat aduan dibuat mengikut Kanun Tatacara Jenayah.

Tegas beliau, sekiranya pihak berkuasa bertindak menyasat sesuatu perkara hanya berdasarkan kenyataan seseorang individu maka ia akan menimbulkan tanggapan bahawa kerajaan menyalahgunakan kuasa.

"Sebelum memulakan apa-apa penyiasatan, kita perlu berbalik kepada asas kedaulatan undang-undang iaitu aduan. Sekiranya ada aduan dibuat maka baru boleh kita tengok sama ada laporan tersebut wajar disiasat atau tidak.

"Jika aduan berkenaan pernah dibuat bertahun-tahun dahulu dan disiasat tetapi tiada apa-apa keterangan yang menjurus kepada siasatan lanjut maka tidak wajar untuk fail dibuka semula," katanya kepada *Sinar Harian*.

Mohamed Haniff menyifatkan mana-mana individu yang sewenang-wenangnya menggesa pihak berkuasa melakukan siasatan terhadap bekas Perdana Menteri itu sebagai tidak mempunyai tahap kefahaman yang baik tentang kedaulatan undang-undang.

Jelasnya, walaupun seseorang individu atau negarawan membuat kenyataan berbau sindiran seperti yang dilakukan oleh Dr Mahathir, ia tidak bermakna siasatan boleh terus dilakukan.

"Jika secara tiba-tiba pihak polis atau SPRM mengumumkan untuk melakukan siasatan terhadap Tun M maka rakyat beranggapan ia (siasatan) dibuat berdasarkan kenyataan individu berkenaan.

"Bagaimanapun, dari segi kedaulatan undang-undang, hal tersebut tidak boleh menjadi asas kepada siasatan. Kalau itu berlaku, rakyat akan memiliki persepsi bahawa kerajaan salah guna kuasa," ujarnya.

SIASATAN KE ATAS INDIVIDU BERGELAR TUN

TUN DAIM ZAINUDDIN

Didakwa tak isytihar harta, Menara Ilham disita



SPRM minggu lalu menyita Menara Ilham setinggi 60 tingkat milik Daim dan keluarga yang terletak di Jalan Binjai, Kuala Lumpur.

Ini dilaporkan berlaku selepas bekas menteri itu didakwa enggan mematuhi permintaan SPRM untuk mendedahkan pegangan kewangan diri dan keluarganya.

Penyitaan itu dikaitkan dengan penyiasatan antipengubahan wang haram yang bermula pada akhir Mei lalu mengenai transaksi korporat bernilai RM2.3 bilion pada November 1997.

Urus niaga itu melibatkan syarikat senarai awam, Renong Bhd dan United Engineers Malaysia Bhd (UEM). Agensi antirasuah itu juga dilaporkan sedang menyasat perniagaan Daim dan bagaimana tokoh korporat itu memperoleh semua asetnya.

TUN DR LING LIONG SIK Bekas Presiden MCA terpalit skandal PKFZ



Bekas Presiden MCA, Tun Dr Ling Liong Sik pernah didakwa di mahkamah atas

tuduhan menipu kerajaan Malaysia RM1.08 bilion berhubung projek Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ).

Bekas Menteri Pengangkutan itu didakwa menipu kerajaan apabila beliau tidak mendedahkan kepada Kabinet yang diketuai Tun Dr Mahathir Mohamad pada masa itu mengenai kadar faedah tahunan tambahan sebanyak 7.5 peratus dalam pembelian tanah untuk projek tersebut.

Selepas melalui perbicaraan selama tiga tahun, akhirnya Liong Sik dibebaskan dan dilepaskan oleh mahkamah pada 23 Oktober 2013.

